

06 AUG 1996
Elektrik-Ani
PENGGUNA BOLEH SAMAN TNB, KATA ANI AROPE

KUALA LUMPUR, 6 Ogos (Bernama) -- Pengguna boleh menyaman Tenaga Nasional Berhad untuk mendapatkan ganti rugi kerana kesulitan dan kerugian yang ditanggung mereka ekoran gangguan bekalan elektrik di seluruh Semenanjung Sabtu lepas, kata Pengerusi Eksekutif Tenaga Nasional Tan Sri Dr Ani Arope hari ini.

Bagaimanapun terserahlah kepada mahkamah untuk membuat keputusan mengenai tuntutan yang dikemukakan, kata Ani pada persidangan berita di ibu pejabat Tenaga Nasional di sini.

Ini merupakan kenyataan pertama Ani mengenai gangguan bekalan elektrik yang meluas itu.

Menurut Akta Bekalan Elektrik 1990, TNB hanya bertanggungjawab atau dikehendaki membayar pampasan sekiranya sesuatu kejadian dengan jelas disebabkan oleh "kecuaian mereka yang bekerja dengan TNB".

"Kami tidak bertanggungjawab sekiranya kejadian akibat daripada pemasangan yang silap...seperti kejadian-kejadian yang tidak dapat dielakkan, peralatan lama yang mudah rosak atau lebih beban yang disebabkan oleh sambungan yang tidak dibenarkan atau kerosakan dalam mana-mana pemasangan yang tidak dibenarkan oleh pemegang lesen atau TNB," kata Ani.

Beliau berkata TNB tidak boleh menghalang pengguna membuat tuntutan.

Gangguan tenaga elektrik yang berlaku Sabtu lepas bermula pada 5.17 petang selepas satu kerosakan di stesen tenaga di Paka di Terengganu yang telah menyebabkan semua loji tenaga di Semenanjung Malaysia yang disambungkan dengan sistem rangkaian grid kebangsaan berhenti secara automatik. Bekalan dipulih semula pada 8.30 pagi pada hari berikutnya.

Sebelum ini, gangguan elektrik selama 12 jam berlaku pada September 1992 membabitkan sembilan negeri di Semenanjung.

Gangguan itu telah disifatkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai memalukan Malaysia yang dipandang sebagai contoh di kalangan negara-negara membangun.

Mengulas teguran Perdana Menteri itu, Ani meminta maaf terhadap kesusahan dan rasa malu rakyat dan negara.

Katanya beliau berada di Rome semasa kejadian itu dan diberitahu mengenainya pada tengah malam itu.

Ani berkata gangguan bekalan elektrik Sabtu lepas tidak boleh dibandingkan dengan kegagalan sistem grid kebangsaan pada 1992.

"Ianya berbeza. Pada tahun 1992 gangguan disebabkan oleh bekalan tenaga yang tidak mencukupi, oleh itu kita tidak boleh menghubungkan kait dua kejadian itu," kata beliau.

TNB berjaya memulihkan bekalan penuh dalam masa 16 jam pada kejadian Sabtu lepas berbanding dengan 48 jam pada tahun 1992, katanya.

Menurut beliau, sistem pada tahun 1992 menggunakan penjanaan yang ketat manakala sistem yang ada sekarang mempunyai bilangan turbin yang lebih banyak.

Ketika ditanya sama ada satu siasatan rasmi akan diadakan mengenai kejadian itu, Ani berkata terpulang kepada Kabinet untuk membuat keputusan.

TNB telahpun menubuhkan pasukan penyiasatnya sendiri.

Satu laporan awal mengenai kejadian itu telah diserahkan kepada kerajaan Ahad lepas.-- BERNAMA

HT WE WAT MAI